

08/09/1997

Sabbaruddin puas hati

SETIAUSAHA Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik, berkata kelancaran Perhimpunan Agung parti kali ini adalah kerana kerjasama semua pihak.

Perhimpunan agung tahun ini adalah kali pertama yang dikendalikan beliau sejak pelantikannya sebagai Setiausaha Agung akhir tahun lepas.

Katanya, masih ada ruang untuk diperbaiki dan menjadi hasratnya untuk melihat mutu penganjuran Perhimpunan Agung parti meningkat setiap tahun.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perwakilan, pemerhati dan wartawan yang membuat liputan perhimpunan masing-masing berpuas hati dengan penganjuran kali ini.

(END)